



**GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2012**

1.0. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu Sektor/ Negeri di Jabatan Audit Negara (JAN) untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi tahun 2012. Ianya menggariskan syarat-syarat penyertaan, bentuk anugerah dan penghargaan persembahan kumpulan, penilaian dan pemarkahan, kriteria-kriteria penilaian dan tatacara permohonan.

2.0. PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TERBAIK

2.1. Syarat-syarat Penyertaan

- 2.1.1 Penyertaan adalah dibuka kepada semua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari Sektor/ Negeri di JAN.
- 2.1.2 Kumpulan yang mengambil bahagian adalah merupakan **kumpulan yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pengurusan** di Sektor/ Negeri masing-masing.
- 2.1.3 **Projek KIK hendaklah yang belum dipersembahkan oleh kumpulan** dalam mana-mana pertandingan/ konvensyen peringkat Negeri/Kebangsaan (Sektor Awam) pada tahun-tahun sebelumnya.
- 2.1.4 **Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan** sebelum pertandingan ini dijalankan.



- 2.1.5 Pencalonan menyertai pertandingan hendaklah **dikemukakan melalui Sektor/ Negeri masing-masing** kepada Urus Setia dengan menggunakan **borang pencalonan** yang dilampirkan atau dimuat turun dari laman web JAN (www.audit.gov.my).
- 2.1.6 **Bilangan maksima** ahli-ahli bagi setiap KIK yang mengambil bahagian di dalam pertandingan ini dihadkan kepada **10 orang termasuk ketua kumpulan**. (rujuk **Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** oleh MAMPU bertarikh 1 November 2009)
- 2.1.7 **Urus Setia berhak menolak penyertaan** dari mana-mana kumpulan KIK yang tidak layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai pertandingan ini adalah **muktamad**.
- 2.1.8 **Keputusan panel penilai yang dilantik** terhadap penilaian projek kumpulan adalah **muktamad**.

2.2. Hadiah dan Penghargaan

Pemenang akan menerima penghargaan seperti berikut:

Pemenang	Hadiah/Penghargaan
Pertama	RM5,000, Piala dan Sijil
Kedua	RM3,000 dan Sijil
Ketiga	RM2,000 dan Sijil



2.3. Persembahan

- 2.3.1 Semua kumpulan dikehendaki **bersiap sedia lima minit lebih awal** dari masa yang telah ditetapkan dalam Jadual Persembahan KIK.
- 2.3.2 Masa **lima minit** akan diberikan untuk memasang peralatan oleh kumpulan.
- 2.3.3 **Montaj yang tidak melebihi dua minit** dibenarkan (Markah penalti akan dikenakan jika melebihi masa tersebut).

2.4. Penilaian dan Pemarkahan

- 2.4.1 Persembahan setiap kumpulan yang mengambil bahagian di Konvensyen akan dinilai berdasarkan **sembilan kriteria** seperti berikut:
- i. Pengenalan
 - ii. Pemilihan Projek
 - iii. Penjelasan Projek
 - iv. Penggunaan Kaedah/ Alat Kawalan Kualiti/ Alat Kreativiti
 - v. Tindakan Pembetulan/ Penambahbaikan dan Pelaksanaan yang Kreatif dan Inovatif
 - vi. Pencapaian Hasil Projek
 - vii. Tindakan Penyeragaman
 - viii. Penilaian Kumpulan
 - ix. Persembahan Kumpulan
- 2.4.2 Setiap kumpulan akan **diberikan 15 minit untuk membuat persembahan. Loceng permulaan** akan dibunyikan apabila kumpulan memulakan persembahan.



2.4.3 **Loceng amaran** akan dibunyikan sekali menandakan masa persembahan hanya **tinggal tiga minit sahaja** dan **loceng penamat** akan **dibunyikan dua kali sebaik sahaja tempoh 15 minit berakhir**. Markah tidak akan diberikan selepas tempoh 15 minit berakhir.

2.4.4 **Sesi soal jawab** oleh Panel Penilai adalah **selama 10 minit**.

2.5. **Tatacara Permohonan**

Sektor/ Negeri yang berminat untuk menyertai Pertandingan KIK perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

2.5.1 Melengkapkan borang permohonan menyertai Pertandingan KIK seperti di **Lampiran A** dengan ditandatangani oleh Pengarah Sektor/ Negeri masing-masing;

2.5.2. Menyediakan empat salinan Laporan Pertandingan KIK bersama softcopy dalam bentuk PDF yang mengandungi lapan kriteria seperti di **Lampiran B**; dan

2.5.3. Mengemukakan borang permohonan bersama-sama laporan **sebelum atau pada 13 September 2012 (Khamis)** kepada:-

Bahagian Hal Ehwal Korporat
Jabatan Audit Negara
Aras 1-5, Presint 2
Persiaran Perdana, Putrajaya
(u.p: Urus Setia Konvensyen KIK JAN 2012)

No. Tel.: 03-8889 9110
No. Faks: 03-8888 4905
Emel: khairulazrin@audit.gov.my



**BORANG PERMOHONAN
PERTANDINGAN KIK JAN 2012**

1. Nama Kumpulan/Sektor/Negeri Yang Memohon:

.....
.....

2. Tajuk Projek KIK:

.....
.....

3. Nama Pegawai Bertanggungjawab Untuk Dihubungi:

Nama :

Jawatan :

No. Tel :

No. Faks :

E-mel :

4. Nama, Tandatangan Ketua dan Cop Rasmi:

.....

Tarikh :



SKEMA PEMARKAHAN DAN KRITERIA PENILAIAN
PROJEK KIK JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Nama Kumpulan:

Nama Panel Penilai:

Skema Pemarkahan: 0-2 (Lemah) 3-5 (Sederhana) 6-8 (Baik) 9-10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAX: 10)
		(a)	(b)
1	Pengenalan		
	a. Latar belakang jabatan, kumpulan dan pemilihan ahli kumpulan diterangkan.	1	
	b. Kumpulan menjelaskan bukti penyertaan dan perancangan projek.	2	
2	Pemilihan Projek		
	a. Projek yang dipilih berdasarkan kepada kajian latar belakang dan maklumat serta data-data masa lepas.	5	
	b. Projek yang dipilih memenuhi kehendak pelanggan organisasi; atau bahagian; atau unit di mana kumpulan itu berkhidmat. Ia juga menepati wawasan, matlamat, objektif atau piagam pelanggan unit/bahagian/organisasi.	5	
	c. Pemilihan projek dilakukan secara sistematik.	4	
3	Penjelasan Projek		
	a. Projek diterangkan dengan jelas. Istilah-istilah teknikal yang digunakan perlu dijelaskan.	6	
	b. Cara penetapan objektif/sasaran projek diterangkan dengan jelas berdasarkan analisa data atau Penanda Aras.	2	
4	Analisa Projek		
	a. Pendekatan secara sistematik dan bersesuaian untuk tujuan mengenal pasti dan mengesahkan sebab-sebab masalah yang paling mungkin atau isu yang berkaitan.	7	
	b. Pendekatan secara sistematik dan bersesuaian untuk tujuan mengumpul data berkaitan dengan projek.	7	
	c. Persembahan data yang berkesan.	5	
5	Cadangan Penyelesaian		
	a. Beberapa alternatif cadangan penyelesaian yang kreatif dan inovatif dipertimbangkan.	7	
	b. Pendekatan secara sistematik dalam memilih cadangan penyelesaian.	7	
	c. Pelaksanaan cadangan penyelesaian dapat dilakukan dengan berkesan dan baik dalam tempoh percubaan (<i>dry run</i>)	5	



ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAX: 10)
		(a)	(b)
6	Pencapaian Hasil Projek (<i>Outcome</i>)		
	a. Faedah-faedah sama ada: <ul style="list-style-type: none"> - Pengurangan kos operasi - Penjimatan masa - Peningkatan <i>output</i> / hasil kerja - Penjimatan sumber manusia Faedah-faedah lain sama ada: <ul style="list-style-type: none"> - Tahap kepuasan hati pelanggan - Tahap kepuasan pekerja - Imej Jabatan 	10	
	b. Sumbangan pelaksanaan cadangan penyelesaian kepada pencapaian objektif organisasi diterangkan dengan jelas.	3	
	c. Pendekatan secara sistematik. Kaedah / alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai faedah-faedah diperoleh dengan kos pelaksanaan cadangan penyelesaian.	3	
7	Tindakan Penyeragaman (<i>Standardization</i>)		
	a. Cadangan penyelesaian telah diterima dan kaedah pemantauan yang sesuai dan sistematik untuk memastikan tindakan pembetulan yang perlu telah dijalankan sebelum tindakan penyeragaman.	3	
	b. Tindakan susulan diambil untuk memastikan cadangan projek dikekalkan sebagai cara bekerja baru dengan pindaan atau tambahan kepada Arahan Kerja, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja atau <i>Standard Operating Procedures</i> .	5	
8	Penilaian Kumpulan		
	a. Pendekatan secara sistematik. Kaedah / alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai kemajuan kumpulan dalam pengendalian aktiviti KIK.	2	
	b. Kumpulan mengambil tindakan-tindakan untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli semasa penyelesaian dijalankan demi kebaikan masa hadapan.	2	
	c. Pembelajaran-pembelajaran yang diperoleh oleh kumpulan.	2	
9	Persembahan Kumpulan (<i>Semasa Hari Pertandingan</i>)		
	a. Persembahan yang kemas, turutannya yang logikal dan menepati masa yang telah diperuntukkan.	4	
	b. Persembahan yang jelas dan pengucapan awam yang baik.	3	
	JUMLAH	100	